

PERBINCANGAN ISU MURTAD DI MALAYSIA

oleh

SHAHRIMAN BIN MAHMUD

KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI DIPLOMA PENTADBIRAN DAN
KEHAKIMAN ISLAM UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

KULLIYYAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

1999

Abstrak

Kerisauan masyarakat Islam di Malaysia berkaitan isu murtad telah semakin mencapai tahap yang membimbangkan. Sudah banyak perbincangan, seminar dan bengkel yang diadakan untuk membincang dan cuba mencari satu penyelesaian yang konkrit untuk isu tersebut. Namun nampaknya setakat ini penyelesaian yang praktikal dan jitu masih jauh daripada tercapai.

Penulis cuba menyelami masalah murtad ini dengan melihat kepada faktor-faktor yang boleh membawa kepadanya. Faktor-faktor seperti kemiskinan dan kejahilan umat adalah di antara yang terpenting. Di samping itu, penguatkuasaan oleh pihak berwajib juga harus diambil-berat supaya pokok yang ditanam subur dalam kebun yang indah tidak dimakan oleh binatang-binatang liar yang berkeliaran.


Bertolak daripada situlah maka penulis berpendapat dan cuba membuktikan bahawa undang-undang murtad yang ketat menjadi satu faktor yang boleh menentukan tahap akhir kepada proses kemurtadan seseorang Muslim. Ini kerana telah mula berlaku kes yang menunjukkan bahawa golongan yang berpendidikan agama yang baik dan datang daripada keluarga yang jauh daripada kemiskinan juga boleh terjerat di dalam gejala murtad ini. Maksudnya, jikalau golongan yang terbaik dalam masyarakat pun boleh terjebak dalam gejala murtad pada hari ini, maka tiada jaminan lain melainkan undang-undang menghalang murtad yang ketat sahajalah yang dapat menjamin perkara ini tidak berlaku lagi pada masa akan datang.

Pengakuan

"Saya mengaku bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya."


1/1/2000

Tarikh



(Shahrizan Bin Mahmud)

Hakcipta karya ini dimiliki oleh:



Shahrizan Bin Mahmud

Nombor kad pengenalan : 640828-08-6365

Nombor kad metrik UIA : G 9814517

Tiada sebarang bahagian daripadanya yang boleh dihasilkan semula melainkan dengan kebenaran pemilik.

Perhargaan

Segala kesyukuran hanya untuk Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Muhammad saw. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tenmakasih kepada semua guru-guru yang dikasihi yang telah mencurahkan ilmu mereka ketika bersama di dalam program DAIJ ini.

Khusus buat Profesor Madya Dr. Abdullah Abu Bakar selaku penyelia kertas projek ini, disampaikan ucapan ribuan terimakasih kerana sudi menyemak dan memberikan beberapa maklumat terkini serta tunjuk-ajar semasa penyelenggaraan Kertas Projek ini.

Demikian juga untuk semua yang telah memberikan kerjasama dan sumbangan secara langsung atau tidak langsung termasuklah pensyarah Kulliyyah Undang-Undang UIA, kakitangan "Post-Graduate" UIA dan Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Gombak.

Ucapan tenmakasih juga dipanjangkan kepada pihak yang terlibat di dalam memberikan maklumat "first hand" dalam kajian ini, di antara mereka, Ustaz Khairuddin Haiyyon selaku pegawai tadbir Masjid Sultan Salahuddin, Shah Alam, pengarah penguatkuasa Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Ustazah Wahida Abdullah selaku pegawai pendakwaraya JAIS.

Dan terakhir buat keluarga tercinta, isteri Khairushima Hashim yang telah banyak bersabar dan memberikan dorongan dan semangat di dalam meneruskan perjuangan menuntut ilmu ini. Demikian juga anak-anak, Syria', Nurullah, Badiuzzaman, Shahira dan Shahnaz. Jasa kalian pasti tidak akan kulupakan.

Wassalam,

Yang Ikhlas,



Shahriman Mahmud
Sentul, Kuala Lumpur.

Pendahuluan

Perbincangan tentang isu murtad adalah merupakan satu perkara yang amat penting khususnya pada dekad terakhir ini yang menyaksikan satu gejala murtad yang semakin kronik berlaku di kalangan umat Islam. Namun demikian, masih belum wujud satu jawapan penyelesaian yang benar-benar boleh dilaksanakan secara praktikal dan memuaskan.

Perbincangan ini juga dikira sangat penting kerana ianya secara langsung berkaitan dengan keadaan keselamatan dalam negeri di mana pelbagai agama dan bangsa hidup di dalamnya secara harmoni. Oleh itu, satu konsep yang jelas haruslah dikemukakan bagi memperjelaskan bukan sahaja tentang undang-undang murtad tetapi juga tentang mengapa ianya tidak boleh dianggap sebagai satu diskriminasi kepada golongan bukan Islam.

Di antara perkara penting yang dijelaskan dalam perbincangan ini ialah mengenai takrifan dan pandangan daripada nas-nas yang rajih dan para ulamak muktabar tentang murtad. Di samping itu, satu set undang-undang sebagai perbandingan juga dikemukakan. Untuk tujuan tersebut, undang-undang murtad negara Pakistan, yang telah penulis petik daripada sumber internet, dibentang sebagai kajian. Walaupun ianya tidaklah semestinya boleh diikuti keseluruhannya, tetapi berguna untuk melihat perjalanan dan sejauh mana keberkesanannya dari sudut perlaksanaan.

Bagi lebih mendalami gejala murtad, kajian juga merangkumi beberapa insiden murtad yang berlaku dalam negara serta melihat kepada faktor-faktor yang telah membawa kepada terjadinya peristiwa-peristiwa tersebut. Faktor-faktor dalaman dan luaran telah dikenalpasti bagi tujuan ini.

Dari sudut perundangan pula, peranan pindaan kepada Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan menjadi fokus penting untuk dikaji. Ini adalah ekoran daripada hakikat bahawa perbicaraan kes-kes berkaitan murtad telah banyak disalah-erti dan dikelirukan oleh beberapa keputusan bercanggahan yang telah dibuat mengenainya di mahkamah. Begitu juga, ia lahir akibat tafsiran yang berbeza terhadap peruntukan Perlembagaan tersebut. Ini telah membawa kepada persoalan mahkamah manakah di antara Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil yang layak untuk membicarakan kes-kes berkaitan murtad.

Setelah itu, beberapa penyelesaian telah dikemukakan bagi menangani masalah murtad. Penyelesaian-penyelesaian ini merangkumi pelbagai aspek seperti sosial, pendidikan, perundangan dan sebagainya. Ini penting kerana murtad juga boleh berlaku dari pelbagai aspek lain dan tidak terhad hanya kepada aspek kelemahan perundangan semata-mata.

KANDUNGAN

	mukasurat
Tajuk	i
Abstrak	ii
Pengakuan	iii
Hakcipta	iv
Penghargaan	v
Pendahuluan	vi
Kandungan	vii
Keterangan huruf	ix
Senarai statut	x
Senarai kes	xi

BAB PERTAMA

1.1: Kedudukan murtad dari segi syarak	1
1.2: Kedudukan murtad dari segi undang-undang	7

BAB KEDUA

Kejadian-kejadian murtad di Malaysia	18
2.1: Faktor-faktor dalaman:	26
2.1.1 Didikan agama	26
2.1.2 Pendidikan Islam kurang dihayati	27
2.1.3 Tekanan hidup	28
2.1.4 Kesan sikap individualistik	29
2.2: Faktor-faktor luaran:	29
2.2.1 Hubungan dengan teman	29
2.2.2 Kesan sejarah	30
2.2.3 Fahaman anti-agama	31

2.2.4	Konspirasi pihak barat	31
2.2.5	Kelonggaran undang-undang murtad	32
2.2.6	Kebangkitan agama-agama	32
2.2.7	Keberkesanan gerakan dakwah Kristian	38

BAB KETIGA

3.1	Bidangkuasa perbicaraan kes berkaitan murtad	38
3.2	Pindaan Perkara 121 (1 A) dan peranannya dalam perbicaraan kes berkaitan murtad	38

BAB KEEMPAT

4.1	Penyelesaian masalah murtad	56
4.2	Beberapa cadangan menangani gejala murtad	56
4.3	Pendekatan kesederhanaan	58
4.4	Merangka langkah pencegahan melalui undang-undang	59
Penutup		71
Rujukan		73

Keterangan Huruf Ringkas

AC	Appeal cases
Bhg.	Bahagian
Bil.	Bilangan
CLJ	Current Law Journal
c.	Column
D	Defendan
Ed.	Edited/ Edit/ Edisi
m.s.	Mukasurat
hb.	Haribulan
Ibid./ Infra.	Below/ di bawah
Jil.	Jilid
Juz.	Juzuk
Iwn./ v.	lawan/ versus
MLJ	Malaysian Law Journal
MLN	Malaysian Law News
n.	Nombor
Ors/ Anor	Others/ yang lain-lain
Supra	Above/ di atas
Vol.	Volume

Senarai Statut

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993

Akta Mahkamah Syariah 1965 (Bidangkuasa Jenayah)

Bil Kod Jenayah Syariah (II) Kelantan 1993

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Pulau Pinang 1993

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Selangor 1952

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Sembilan 1991

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Terengganu 1955

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Johor 1919

Enakmen 14 Pentadbiran Hukum Islam Johor 1978

Enakmen 11 Pentadbiran Hukum Islam Perak 1965

Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994

Enakmen Agama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan Di Kalangan Orang Islam) 1988

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984

Married Woman Ordinance 1957

Pakistan Penal Code

Perlembagaan Persekutuan 1957

Rules of the High Courts 1980

Senarai Kes

Dalip Kaur lwn Pegawai Polis Daerah, Balai Polis Daerah Bukit Mertajam & Anor [1992] 1 MLJ 1

Kementerian Dalam Negeri Malaysia & Anr lwn Jamaluddin bin Othman [1989] 1 MLJ 418

Lim Chan Seng lwn Pengarah Jabatan Agama Pulau Pinang & Satu lagi [1996] 3 CLJ 231

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan lwn Hun Mun Seng [1993] 1 CLJ 179

Mamat bin Daud & Ors lwn Kerajaan Malaysia [1988] 1 MLJ 119

Mohamed Habibullah bin Mahmood lwn Faridah bte Dato Talib [1992] 2 MLJ 793

Md Hakim lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur [1998] 1 MLJ 681

Nor Kursiah bte Baharudin lwn Shahril bin Lamin & Anor [1997] 1 MLJ 537

R lwn Lemon, 1979 AC 617, dan lihat juga Gay News Ltd. lwn U.K. [1982] 5 E.H.R.R. 123

R lwn Chief Metropolitan Stipendiary Magistrate, ex-party Chaudry [1991] 1 All ER 306

Soon Singh dan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Kedah [1994] 1 MLJ 690

BAB 4

Penyelesaian Masalah Murtad

Setelah melihat kepada fakta-fakta dalam bab-bab terdahulu mengenai kejadian-kejadian dan punca-punca murtad serta peranan penting yang sedang dimainkan oleh Gerakan Kristian di Malaysia dalam meningkatkan kadar murtad di kalangan orang Islam, maka tibalah masa untuk membincangkan beberapa kaedah dan pendekatan yang boleh dilakukan untuk menangani dan menyelesaikan masalah murtad yang semakin parah ini. Untuk itu, adalah elok untuk melihat beberapa resolusi yang telah digariskan oleh ABIM sebagai sebuah gerakan NGO di Malaysia yang merupakan di antara gerakan yang berpengalaman luas di dalam menangani masalah murtad ini, seterusnya menjadikannya dasar kepada perbincangan kita selanjutnya, insyallah.

1. Beberapa cadangan menangani gejala murtad

Dalam *Bengkel Menangani Gejala Murtad yang telah* dianjurkan oleh ABIM, beberapa cadangan dan resolusi telah dikemukakan bagi menyelesaikan atau sekurang-kurangnya mengurangkan gejala murtad yang semakin membimbangkan ini. Cadangan-cadangan tersebut boleh dikategorikan dalam beberapa bahagian seperti perundangan, kaunseling, pendidikan, sosial dan birokrasi.

1. 1. Perundangan

1.1.1. Mencadangkan supaya undang-undang digubal bagi menentukan hanya Mahkamah Syariah sahaja yang berhak memutuskan samada seseorang itu telah murtad atau tidak.

¹ Berdasarkan suraber internet dari lainan web ABjvi di: <http://www.abim.com/>

1.1.2. Menggesa supaya semua negeri-negeri yang belum mempunyai peruntukan undang-undang murtad bagi menangani gejala murtad berbuat demikian dan memastikan peruntukan-peruntukan yang dibuat adalah selaras dan seragam di semua negeri.

1.1.3. Sebuah jawatankuasa berwibawa hendaklah dibentuk oleh pihak JAKIM yang terdiri daripada alim ulamak, pakar perundangan serta peguam bagi menentukan hukum murtad di sisi syariat Islam.

1.1.4. Menggesa supaya negeri-negeri mengambil inisiatif membuat peruntukan undang-undang/enakmen di peringkat negeri bagi menghalang pendakyahan agama lain kepada orang-orang Islam sesuai dengan peruntukan yang terdapat dalam Perlembagaan Malaysia, Perkara 3(1) dan Perkara 11, fasal 1.

1.2. Kaunseling

Menentukan bahawa seseorang yang memohon untuk keluar daripada agama Islam diwajibkan untuk tempoh tertentu mengikuti sesi nasihat dan kaunseling, sebelum proses selanjutnya dibuat. Sebuah pusat pemulihan perlu ditubuhkan untuk tujuan ini.

1.3. Pendidikan

Menilai kualiti Pendidikan Agama Islam bagi memastikan keberkesanannya. Jabatan Pendidikan Islam dan moral perlu menilai secara berterusan pendidikan Islam yang dilaksanakan sekarang supaya penghayatan nilai-nilai pendidikan Islam di kalangan pelajar menjadi lebih berkesan.

1.4. Sosial

Majlis Antara Agama yang telah diwujudkan perlu diberikan nafas baru dan status yang lebih baik. Majlis ini perlu diawasi oleh Jabatan Perdana Menteri dengan keanggotaan

terdiri daripada tokoh-tokoh yang mempunyai kedudukan dan mewakili semua agama di negara ini bersesuaian dengan semangat Perlembagaan Malaysia, Perkara 3 (1) dan Perkara 11 fasal 1.

1.5. Birokrasi

Menentukan bahawa Jabatan Pendaftar Negara hanya boleh memproses pertukaran nama orang-orang Islam kepada nama bukan Islam hanya setelah disahkan oleh Mahkamah Syariah bahawa orang berkenaan telah keluar daripada agama Islam.

2. Pendekatan Kesederhanaan²

Bersesuaian dengan saranan pihak pemerintah bahawa pendekatan kesederhanaan perlu dijadikan teras dalam apa jua tindakan, maka ABIM akan melaksanakan beberapa program berikut:

2.1. Gerakan tarbiyyah

ABIM akan memberi perhatian utama kepada gerakan tarbiyyah umat secara besar-besaran ke arah mengukuhkan kesedaran dan kefahaman agama di kalangan umat Islam secara keseluruhannya terutama para hakim, peguam dan pegawai-pegawai kerajaan. Tumpuan utama juga harus diberi kepada generasi muda.

2.2. Seruan menghormati Perlembagaan Persekutuan

2.2. ABIM meminta semua pihak supaya menghormati Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan asas untuk keharmonian hidup beragama. Peruntukan yang menentukan bahawa tidak boleh menyebarkan sebarang iktikad dan kepercayaan lain kepada orang-orang Islam hendaklah dihormati dan dipatuhi oleh penganut agama-agama lain.

² Ibid.

2.3. Penubuhan badan penasihat

ABIM akan menubuhkan Biro Nasihat Isu-isu Murtad (NASIM) bertujuan memberi nasihat kepada mereka yang menghadapi masalah yang berkaitan dengan isu-isu murtad. Adalah diharapkan agar biro ini dapat membantu agar isu-isu seperti ini dihadapi dengan rasional dan tidak emosional. Biro ini terbahagi kepada 3 bidang iaitu dari segi perundangan, kaunseling dan perbandingan agama. Kalangan profesional seperti peguam, pensyarah IPT dan alim ulamak telah dikenalpasti sebagai ahli NASIM.

3. Merangka langkah pencegahan melalui undang-undang

Di antara langkah pencegahan murtad yang terdapat di dalam Perlembagaan Persekutuan ialah Perkara yang menyebut tentang kawalan atau sekatan untuk mengembangkan ajaran yang bertentangan dengan Hukum Islam di kalangan orang Islam. Peruntukan yang terdapat di dalam Perlembagaan ini adalah penting untuk diperhatikan oleh semua pihak berwajib supaya ianya dapat dipergunakan sebaik mungkin bagi mencegah murtad. Walaupun masih tidak terdapat hukuman yang menurut syarak untuk orang yang murtad atau keluar daripada agama Islam setakat ini di sisi undang-undang, tetapi peruntukan di dalam perlembagaan tersebut dapat sekurang-kurangnya dimanfaatkan sebaik mungkin.

Peruntukan tersebut adalah dinyatakan seperti berikut:

Undang-undang Negeri dan mengenai Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama antara orang-orang yang menganut agama Islam⁴

³ Berdasarkan artikel Mohammad Imam, '*Freedom of Religion Under Federal Constitution of Malaysia - A Reappraisal*', [Jun 1994], 2 CLJ.

⁴ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 11 (4).

Keharusan untuk memeluk pelbagai agama boleh melambangkan toleransi beragama. Ia berpotensi untuk menghangatkan emosi atau melahirkan kestabilan keselamatan awam ketika negara dilanda oleh ketiadaan toleransi. Hakikat ini sememangnya benar kalau dikaji dalam konteks negara Malaysia yang berbilang kaum dan agama ini.

Untuk mencapai suasana kestabilan itu, maka Perkara 11 (4) di atas perlu dilihat dari dua perspektif yang berbeza.

1. Penyebaran doktrin dan iktikad bid'ah dan **tidak berunsur Islam** di kalangan penganut Islam.
2. Mengajarkan doktrin, konsep, pandangan, idea dan pentafsiran yang berada **di dalam kerangka agama Islam**, khususnya oleh mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah yang diterima ramai di Malaysia.

Di dalam penghakiman beliau ke atas kes *Mamat bin Daud & Ors Iwn Kerajaan Malaysia*

⁵, Ketua Hakim Negara Tun Salleh Abbas berkata:

Saya terima bahawa untuk membenarkan mana-mana orang Islam atau kumpulan Islam mengamalkan amalan yang menyeleweng dan bid'ah yang terkeluar daripada ajaran Islam adalah merbahaya dan boleh membawa kepada perpecahan di kalangan orang Islam dan, oleh itu, boleh menggugat kestabilan awam di dalam negeri-negeri ini. Tetapi kuasa untuk membuat undang-undang bagi mengawal dan menghentikan amalan sedemikian adalah diberi kepada negeri-negeri sebagaimana yang boleh dilihat dalam Perkara 11 fasal (4) ... Hanya mereka sahaja yang boleh mengatakan apakah sepatutnya yang menjadi kepercayaan, undang-undang dan konsep agama Islam atau apakah yang tidak sepatutnya menjadi pentafsirannya dan, apakah yang sepatutnya menjadi undang-undang dalam sesuatu situasi tertentu. Fasal (4) itu merupakan kuasa yang membolehkan negeri-negeri untuk

meluluskan satu undang-undang bagi melindungi agama Islam daripada terdedah kepada pengaruh kepercayaan dan amalan agama lain atau bahkan mazhab pemikiran dan pandangan tertentu di dalam agama Islam itu sendiri.

Walaupun Negeri berkuasa menggubal undang-undang ini, harus diingat bahawa, fasal (4) daripada Perkara 11 itu membataskan kuasa undang-undang Negeri hanya ke atas aspek **penyebaran** agama sahaja, dan jikalau pengamalan konsep Islam yang berlainan oleh seseorang Islam atau kumpulan-kumpulan Islam tertentu boleh membawa kepada perpecahan di kalangan masyarakat Islam, di mana ia bergantung kepada tahap toleransi yang wujud di kalangan masyarakat Islam tersebut, maka ia termasuk di bawah perkara 'Keselamatan Awam' ⁶ di mana Parlimen dan bukannya Negeri, yang berkuasa untuk membuat undang-undang yang bersifat umum.⁷

Malahan, jikalau undang-undang Negeri membenarkan atau tidak melarang sebarang penyebaran doktrin atau kepercayaan agama, dan penyebarannya membawa kepada 'ketidakstabilan awam', Parlimen masih boleh membataskan atau melarangnya berdasarkan fasal (5) daripada Perkara 11. Kesemua aspek kebebasan beragama (dari segi penganutan, pengamalan dan termasuklah penyebaran) adalah tertakluk kepada undang-undang di bawah Perkara 11 (5). Pandangan tentang Perkara 11 (4) ini telah disokong oleh Dato' Abdul Razak di mana katanya:

Fasal ini bertujuan untuk memberi kuasa (kepada Negeri-negeri) bagi melindungi kepentingan agama Islam daripada sebarang **pengajaran** yang bertentangan dengan prinsip Islam.⁹

⁶ Sesuai dengan Perkara 11 (5) Perlembagaan yang menyebut: "Perkara ini tidaklah membenarkan apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan undang-undang am mengenai ketenteraman awam, kesihatan awam atau akhlak."

⁷ Supra n 3.

⁸ Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan yang menyebut: "Tiap-tiap orang adalah berhak menganut dan mengamalkan agamanya, dan tertakluk kepada fasal (4), mengembangkan agamanya."

⁹ Perdebatan Konsul Perundangan Persekutuan Tanah Melayu, mesyuarat ke-13 dan 14, pada 10 dan 14 Julai 1957, perenggan 2977-78.

Kes Kementerian Dalam Negeri, Malaysia & Anr Iwn Jamaluddin bin Othman

Kes ini penting dari sudut ianya menggambarkan betapa konsep kebebasan beragama menurut Perkara 11 (1) Perlembagaan boleh menghalalkan dua perkara: kemurtadan seorang Muslim dan usaha orang tersebut untuk menyebarkan agama barunya di kalangan orang Islam lain, hanya kerana usaha penyebaran tersebut tidak membawa kepada keadaan ketidakstabilan awam menurut apa yang difahami oleh mahkamah dan kerajaan berdasarkan fasal (5) daripada Perkara 11 Perlembagaan.

Di dalam membicarakan kes tersebut, Mahkamah Agung, dengan diadili oleh Ketua Hakim Malaya Hashim Yeop A. Sani, memutuskan adalah tidak sah penahanan defendan di bawah seksyen 8(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Alasan bagi penahanan beliau adalah kerana penglibatannya dalam sebuah program yang bertujuan menyebarkan agama Kristian di kalangan orang Melayu dan bahawa beliau telah pun memurtadkan enam orang berbangsa Melayu kepada agama Kristian. Mahkamah memutuskan bahawa alasan-alasan tersebut tidak boleh dianggap sebagai ancaman kepada keselamatan dalam negara dan bahawa jaminan 'kebebasan untuk menganut dan mengamalkan agama seseorang' yang terdapat dalam Perkara 11 (1) Perlembagaan mestilah diberi, kecuali tindakan orang itu melampaui apa yang boleh dikatakan sebagai 'menganut agama seseorang'. Malangnya mahkamah tidak menjelaskan secara terperinci fakta yang terakhir itu. Dan yang lebih menyedihkan, undang-undang induk negara tampaknya tidak memberi jaminan kepada agama Islam sebagaimana jaminan yang diberikan olehnya kepada 'hak kebebasan beragama' (termasuk hak untuk murtad) secara individu dan kumpulan.

Sekali lagi ditegaskan bahawa, jikalau hak kebebasan beragama yang diamalkan itu boleh membawa kepada keadaan ketidakstabilan keselamatan awam, maka Perkara 11 (5) Perlembagaan boleh digunakan untuk mengawal dan menghentikan perkara tersebut. Maksud kedua yang boleh diambil daripadanya ialah, tindakan tidak akan diambil

sekiranya perkara tersebut tidak mengakibatkan situasi seumpamanya. Akibat pemahaman seperti ini akan menghasilkan natijah bahawa tiada tindakan akan diambil sekiranya kejadian murtad atau penyebaran ajaran yang bertentangan dengan Islam di kalangan orang Islam, tanpa mengira bilangannya, tidak mengakibatkan situasi yang tersebut itu.

Sebagaimana yang diketahui bahawa sentimen masyarakat boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor, di antara yang utama ialah media seperti akhbar dan televisyen. Masyarakat akan berpotensi untuk menyatakan ketidaksetujuan mereka seandainya media seperti ini bertindak melaporkan sesuatu berita seperti ini dengan tepat. Maka pengawalan media oleh pihak tertentu daripada menyiarkan berita seumpamanya dengan tepat akan pasti menenangkan masyarakat dan dengan itu tidak perlu sebarang tindakan diambil walaupun tahap kemurtadan dan penyebaran agama dan doktrin lain itu sudah berada pada tahap yang serius.

Menyekat penyebaran doktrin dan aqidah selain Islam melalui undang-undang

Seperti yang dibincangkan di atas, murtad boleh dicegah (melalui peruntukan undang-undang yang ada sekarang) dengan menghalang penyebaran ajaran selain Islam di kalangan penganut Islam. Halangan-halangan tersebut boleh dibahagikan kepada beberapa jenis, berdasarkan masa dan zaman undang-undang mengenainya dibuat.

1. Zaman pra-Perlembagaan Persekutuan

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri-negeri ketika itu hanya mengenakan hukuman bagi kesalahan-kesalahan:

- a. Mengajar atau mengakui mengajar apa-apa doktrin agama Islam tanpa kebenaran/tauliah pihak berkuasa, Kadhi atau Pesuruhjaya;

- b. Mengajar atau menjelaskan apa-apa doktrin atau menjalankan apa-apa upacara atau periakuan yang berkaitan dengan agama Islam dalam keadaan yang berlawanan dengan undang-undang Islam;
- c. Mencetak atau menerbitkan buku atau dokumen, atau memberi arahan atau peraturan tentang apa-apa perkara mengenai undang-undang atau doktrin Islam jika ia mengandungi apa-apa yang berlawanan dengan undang-undang Islam atau Hukum Syarak. "

2. Zaman pasca-Perlembagaan Persekutuan

Ketika zaman ini, satu peruntukan baru berkenaan dengan penyebaran telah ditambah kepada tiga jenis peruntukan di atas. Di antara ialah seksyen 17 Enakmen Perak 1965; seksyen 167 Enakmen Johor 1978, dan seksyen 201 Enakmen Terengganu 1952 masih berkuatkuasa. Oleh itu, di dalam negeri-negeri ini dan Wilayah Persekutuan, kedudukan pra-Perlembagaan masih juga berkuatkuasa.

Ketiga-tiga negeri ini iaitu Johor, Perak dan Terengganu mempunyai peruntukan yang berkaitan dengan 'penyebaran' yang banyak bezanya di antara satu sama lain. **Seksyen 179 Enakmen Perak 1965 adalah agak jelas dan sesuai dengan semangat dan maksud sebenar daripada fasal (4) Perkara 11 dan sepatutnya berperanan sebagai model bagi kesemua Negeri jikalau undang-undang mereka tidak ditentang oleh konsep 'kebebasan beragama orang Islam'⁹ menurut Perkara 11 (1) Perlembagaan.** Seksyen 170 memperuntukkan:

Sesiapa jua, samada yang beragama Islam atau tidak, yang menyebarkan apa-apa kepercayaan atau aqidah agama yang selain daripada kepercayaan dan aqidah agama Islam di kalangan orang-orang yang menganut Islam, adalah melakukan kesalahan yang boleh diadili oleh Mahkamah Sivil dan boleh dihukum dengan

¹¹ Lihat Enakmen Terengganu 1955. seksyen 143, 145 dan 147; 169 Enakmen Selangor 1952, seksyen 166, 167 dan; dan Enakmen Johor 1919, seksyen 3 (i).

hukuman penjara untuk tempoh tidak melebihi satu tahun atau denda tidak melebihi dua ribu ringgit.

Selain daripada itu, seksyen 201 Enakmen Terengganu 1986 adalah agak mengelirukan di mana ia memperuntukkan:

Sesiapa jua yang menyebarkan apa-apa kepercayaan atau aqidah agama di kalangan orang-orang yang menganut agama Islam **tanpa kebenaran pihak berkuasa...**

Sementara itu, seksyen 167 Enakmen Johor 1978 juga lebih mengelirukan dari aspek tertentu, tetapi sekurang-kurangnya jelas dari segi ianya melarang penyebaran perkara yang bertentangan dengan **Hukum Syarak**. Ia menyebut:

Sesiapa jua yang menyebar dan mengajar apa-apa kepercayaan atau mengamalkan amalan tertentu atau beramal bertentangan dengan **Hukum Syarak...**

Hanya baru-bari ini sahaja, Negeri Kedah, Melaka, Perak dan Selangor telah menggubal Enakmen yang mengehadkan atau mengawal penyebaran agama-agama yang bukan Islam. Negeri Selangor contohnya memperuntukkan:

Seseorang adalah melakukan kesalahan jika dia memujuk, mempengaruhi atau menghasut seseorang yang beragama Islam -

- a) Supaya cenderung kepada mana-mana agama bukan Islam; atau
- b) Supaya menjadi penganut atau anggota mana-mana agama bukan Islam; atau
- c) Supaya meninggalkan atau tidak suka kepada agama Islam.¹²

¹² Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan Di Kalangan Orang Islam) 1988, Selangor Enakmen No. 1/1988.

Persoalan diskriminasi keagamaan terhadap orang bukan Islam

Memandangkan usaha penyebaran agama Islam boleh dilakukan ke atas orang bukan Islam sedangkan sebaliknya penyebaran ajaran yang bukan Islam ke atas orang Islam boleh diambil tindakan, maka kemungkinan terdapat tuduhan bahawa wujud diskriminasi ke atas kebebasan orang bukan Islam di negara ini.

Sebenarnya itu adalah merupakan satu perkara yang tidak perlu dipertikaikan kerana ianya sememangnya satu manifestasi daripada Perlembagaan Persekutuan itu sendiri yang memperuntukan bahawa agama Islam itu adalah agama rasmi negara.¹³ Kedudukan yang serupa juga wujud di negara-negara lain yang menjadikan agama Kristian atau agama-agama lain sebagai agama rasmi negara. Negara England sendiri contohnya, menjadikan Kristian sebagai agama rasmi negara, dengan mazhab Protestan sebagai mazhab rasmi melalui pentadbiran *Church of England*. Undang-undangnya hanya melindungi agama Kristian sahaja, di mana peruntukan kesalahan 'murtad' dalam undang-undangnya tidak dipakai untuk agama lain selain Kristian.

Selewat tahun 1991, Mahkamah-mahkamah di England¹⁴ telah memutuskan bahawa hanya agama Kristian sahaja secara umum, dan doktrin Anglikan secara khusus, yang diberi perlindungan di bawah undang-undang 'murtad'. Oleh itu, orang-orang Islam di England tidak mempunyai hak untuk menghalang agama mereka (Islam) daripada dihina dan dicemuh, walaupun dengan gaya yang paling kotor dan jijik sekalipun.¹⁵

Perlembagaan. Perkara 3 (1).

Kes *R Iwn Chief Metropolitan Stipendiary Magistrate, ex-party Chaudhury* [1991] 1 All ER 306.

- Sebastian Poulter. 1992. *Islam and Christian Muslim Relations* di bawah bab 'The Muslim Community and English Law' Jld. 3, m.s. 264.

Dalam kes *R Iwn Lemon*¹⁶, boleh dilihat betapa undang-undang England melindungi agama Kristian daripada unsur-unsur 'kemurtadan'. Pada tahun 1977, penerbit bagi *Gay News Ltd* telah dituduh menerbitkan bahan yang mempunyai unsur 'murtad', dalam bentuk satu puisi oleh James Kirkup yang mengaitkan amalan homoseks dengan kehidupan dan 'penyaliban' Nabi Isa (a.s.). *House of Lords* dengan keputusan 3-2 telah memutuskan bahawa adalah mencukupi bagi pihak pendakwa untuk membuktikan bahawa bahan-bahan berunsur 'murtad' telah diterbitkan dan tidaklah perlu untuk membuktikan bahawa defendan berniat untuk melakukan 'murtad'.

Batasan dalam Perkara 11 (4) mengenai kawalan penyebaran

Kuasa undang-undang Negeri untuk mengawal dan menghalang hak orang bukan Islam untuk menyebarkan ajaran mereka sebenarnya tidaklah sebegitu luas sebagaimana yang difikirkan. Perkataan 'di antara orang-orang yang menganut agama Islam' dalam fasa (4) daripada Perkara 11 Perlembagaan itu membenarkan kawalan dibuat hanya jikalau 'penyebaran' tersebut **secara khususnya** ditujukan kepada orang-orang Islam atau, dilakukan tidak secara umum tetapi di dalam sesebuah kumpulan atau perkumpulan orang-orang Islam atau, tempat tinggal orang Islam atau, perumahan orang Islam yang dipilih khusus untuk tujuan itu. Adapun penyebaran agama seseorang secara umum - melalui penulisan (artikel, buku, katalog), di radio dan media elektronik, yang boleh dibaca dan didengar oleh semua orang atau mereka yang berminat - ini semua tidaklah menjadi objek kawalan di bawah fasal (4) tersebut.

Toleransi beragama akan menjadi satu nilai yang penting hanya jikalau ianya berada di dalam batasan yang ditentukan secara praktikal dan bukan teori. Contohnya, seksyen 167 Enakmen Johor 1978 melarang dan menghukum, 'sesiapa yang menyebar dan mengajar sebarang ajaran...yang berlawanan dengan **Hukum** Syarak...', tetapi seksyen 201 Enakmen Terengganu 1986 pula tidak bersifat membatasi, ia hanya bersifat sebagai satu peraturan di mana ianya melarang dan menghukum 'sesiapa yang menyebar apa-apa kepercayaan dan

¹⁶ *R Iwn Lemon*, 1979 AC 617, dan lihat juga *Gay News Ltd Iwn U.K.* [1982] 5 E.H.R.R. 123

agama di antara orang-orang yang menganut Islam tanpa kebenaran daripada pihak berkuasa.' Walaubagaimanapun, Seksyen 170 Enakmen Perak 1965 adalah bersifat melarang secara total dan menyeluruh.

Batasan kesalahan "penyebaran" yang disebut dalam undang-undang¹⁷

Negeri-negeri Kedah, Melaka, Perlis, Negeri Sembilan dan Selangor telah meluluskan Enakmen yang disebut Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan dan Pengembangan Di Kalangan Orang Islam) yang menjadikannya satu kesalahan untuk menyebarkan agama bukan Islam (sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Enakmen tersebut) kepada atau di kalangan orang Islam. Tindakan-tindakan yang dilarang itu ialah:

1. Memujuk, mempengaruhi, memaksa atau menghasut orang Islam (sebagaimana takrifan dalam seksyen 2) supaya menjadi penganut-penganut atau anggota-anggota agama bukan Islam atau meninggalkan atau tidak menyukai agama Islam,
2. Menyebabkan orang Islam di bawah umur 18 tahun (dengan jalan memujuk, menggagak, memaksa dan mengarahkan) untuk terpengaruh dengan agama bukan Islam.
3. Mendekati seorang Islam untuk mendengarkannya sebarang ucapan atau menunjukkan apa-apa perkara berkenaan agama bukan Islam.
4. Menghantar atau mengirimkan bahan-bahan cetakan dan publisiti (sebagaimana takrifan dalam seksyen 2) berkaitan apa-apa agama bukan Islam kepada orang Islam.
5. Mengedarkan apa-apa bahan cetakan atau publisiti berkaitan apa-apa agama bukan Islam dan
6. Penggunaan perkataan dan perbualan tertentu daripada asalan agama Islam untuk menyifatkan atau menggambarkan kepercayaan, idea dan sebagainya bagi agama bukan Islam.

Supra, n. 3.